

# Dana NF Corp adalah pinjaman, bukan percuma

KUALA LUMPUR 9 Feb. - National Feedlot Corporation (NF Corp) menafikan sebarang penyelewengan dana awam berlaku dalam syarikat persendirian itu kerana pinjaman berjumlah RM250 juta daripada kerajaan itu tetap perlu dibayar balik.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Wan Shahinur Izmir Salleh berkata, pinjaman berkenaan tidak boleh dibatalkan dan ia perlu dibayar kembali kepada kerajaan dengan faedah sebanyak dua peratus.

"Faedah daripada pinjaman ini perlu dibayar tanpa mengira sebanyak mana pinjaman RM250 juta

telah dikeluarkan dan di peringkat mana projek ini telah berjalan.

"Dalam pengetahuan saya, tiada pihak lain bertanggungjawab untuk membayar pinjaman ini sebagaimana perjanjian yang telah ditandatangani.

"Ini jelas sekali menafikan bahawa dana awam telah diseleweng, ia bukannya geran ataupun wang percuma tetapi pinjaman yang perlu dibayar balik," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Projek Pusat Fidlol Nasional (NFC) serta NF Corp dijadikan isu oleh pembangkang yang menggam-

barkan seolah-olah ia diuruskan dengan melibatkan penyelewengan termasuk mengaitkannya dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Menurut Wan Shahinur, sebagai sebuah syarikat persendirian, menjadi tanggungjawab NF Corp untuk menguruskan kewangan syarikat dan NF Corp perlu membuat keputusan tepat untuk kepentingan jangka pendek dan jangka panjang.

Jelasnya, penangguhan operasi syarikat akibat keputusan kerajaan menghentikan projek pembinaan

rumah sembelih menyebabkan NF Corp tidak mempunyai kemudahan itu dan terpaksa membuat pelaburan dalam sektor hartanah bagi mengelakkan kerugian.

"Daripada meletakkan wang pinjaman ini di dalam mana-mana instrumen pasaran wang, keputusan perniagaan yang lebih bijak adalah untuk melaburkan dalam sektor hartanah bagi tempoh jangka pendek.

"Setiap pelaburan ini telah dibuat perkiraan untuk pulangan yang terjamin, lebih-lebih lagi, hartanah yang disewa akan membawa kembali pendapatan sewa yang bo-

leh dianggap sebagai satu kelebihan dan bonus kepada pengurusan dana," kata Wan Shahinur.

Jelasnya, beliau yakin apabila projek rumah penyembelihan berjaya disiapkan, sasaran untuk mengeluarkan sebanyak 246,000 ekor lembu proses dan 44,000 tan metrik daging lembu menjelang tahun 2015 akan berjaya dicapai.

"Dakwaan segelintir pihak yang menyamakan wang pinjaman NF Corp sebagai dana awam adalah permainan politik yang bertujuan mengelirukan masyarakat," tegas beliau lagi.